

# 4 pelajar Malaysia sertai Gold Club Bradford College

Keputusan cemerlang bolehkan mereka anggota kelab berprestij

**M**ELBOURNE: Empat pelajar Malaysia, yang memperoleh keputusan amat cemerlang dalam kursus pengajian asas di Bradford College, Adelaide, diterima menganggotai kelab berprestij kolej itu, 'Gold Club'.

Mereka ialah Sophia Mah dari Sarawak, Mohamad Syamil Abdul Kalam dari Sabah, Marcus Jeremy Stephens dan Kan Wan Yap, kedua-dua-

nya dari Kuala Lumpur.

Majlis penyerahan sijil disempurnakan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia Datuk Salman Ahmad di Adelaide minggu ini.

Pengarah/Pengetua Bradford College, Wendy Teasdale-Smith, berkata kolej itu menawarkan kursus pengajian asas dan pemindahan ijazah kepada pelajar antarabangsa sejak tujuh tahun lalu.

Kolej itu kini mempunyai 800 pelajar kebanyakannya dari Malaysia, Singapura, Hong Kong dan China.

"Pencapaian pelajar mestilah satu standard akademik yang tinggi bagi membolehkan mereka diterima masuk ke universiti Adelaide dan universiti lain di Australia.

"Untuk mencapai standard akademik yang tinggi ini, bilangan pelajar adalah kecil jadi tenaga pengajar dapat

berinteraksi secara dekat dengan pelajar," katanya.

Teasdale-Smith memuji empat anggota baru Gold Club itu kerana kesungguhan, semangat dan keyakinan mereka.

Dalam lawatan beliau ke Adelaide, Salman turut menemui jawatankuasa sementara Kelab Malaysia Australia Selatan yang akan ditubuhkan tidak lama lagi.

Bernama